

☒ Harien Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: <u>22/6/2012</u>
Hari: <u>Timur</u> M/S: <u>6</u>
Ruangan: <u>METRO PLUS</u>



KENANGAN...kakitangan UNIFILM, UTM yang mengikuti kunjungan produksi dua hari ke UTEM dan Finas, baru-baru ini.

UNIFILM mahu jalin kerjasama UTeM, Finas

Rakan kongsi terbit program

>>Oleh Maria Uffa Zulkafeli
am@metrometro.com.my

SINTOK: Uniutama Film Centre (UNIFILM) Studio, Universiti Utara Malaysia (UUM), bercadang menjalin kerjasama dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), pada masa akan datang.

Pengarah UNIFILM, Drs Bambang Suhartono Mohd Said berkata, hasrat untuk menjadi rakan kongsi produksi itu bagi memberi fokus kepada program penerbitan bersama antara UUM dan UTeM.

"Selain itu, ia dapat membantu pihak kami mengadakan kerjasama bagi melaksanakan pelbagai program termasuk bengkel atau kerjasama dalam pelbagai penerbitan untuk agenda kerajaan. Jalinan kerjasama itu sekali gus dapat mengeratkan hubungan antara UUM, UTeM dan Finas.

"Hasrat UUM mengadakan kerjasama dalam apa jua bidang bersesuaian bagi mendapat tunjuk ajar dari segi kemahiran kru dan teknikal sekali gus bagi menjayakan hasrat Naib Canselor UUM supaya UNIFILM menjadi sebuah produksi," katanya selepas mengadakan kunjungan pro-

duksi UNIFILM ke UTeM dan Finas, baru-baru ini.

Seramai 17 kakitangan UNIFILM terdiri daripada penerbit rancangan, juruteknik elektronik, pereka dan jurukamera mengikuti kunjungan produksi selama dua hari itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Finas, Fatimah Ahmad berkata, banyak kerjasama boleh dilakukan antara pihaknya dengan UNIFILM UUM.

Katanya, Finas sedia berkongsi kepakaran melalui penganjuran bengkel, kelas atau kursus kepada produksi berkenaan dalam usaha menjayakan kerjasama itu.

"Ia platform terbaik sekiranya UUM melahirkan kesediaan untuk menyertai kami dalam pelbagai bengkel mahupun kursus yang dianjurkan kelak.

"Kita berharap usaha ini dapat membantu meningkatkan lagi kreativiti dan produktiviti antara Finas dengan UNIFILM UUM," katanya.

Dalam pada itu, Fatimah turut menggalakkan pelajar UUM mengasah bakat kreatif mereka dengan menghasilkan iklan Public Service Announcement (PSA) menggunakan idea baru dan segar untuk dihantar ke Finas untuk proses penilaian.